

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	19 JULY 2017

Dr M dicabar nyata pendirian tindakan pecat Anwar

BH - 19/7/2017
pg. 6

Kuala Lumpur: Tun Dr Mahathir Mohamad dicabar menyatakan pendiriannya sama ada tindakan memecat Datuk Seri Anwar Ibrahim dari UMNO dan kerajaan pada pada 1998 adalah betul atau tidak.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata ini kerana rakyat Malaysia ingin tahu perkara sebenar, selain keliru mengenai tindakannya itu dahulu dan sekarang.

Katanya, ahli UMNO dahulu di ajar dan disuruh percaya bahawa Anwar adalah tidak bermoral dan tidak layak menjadi Perdana Menteri kerana melakukan perbuatan tidak bermoral.

Tiada isu moral

"Tetapi sekarang ini, beliau (Dr Mahathir) berkempen supaya Anwar boleh menjadi Perdana Menteri dan sudah tiada isu moral.

"Jadi orang keliru adakah tindakan Dr Mahathir dahulu ada-



[FOTO ROSDAN WAHID/BH]

Zamri (tengah) bersama jawatankuasa pusat selepas Majlis Perasmian Seminar Koperasi Pekebun Kecil dan Mesyuarat Agung Tahunan NARSCO Ke-33, di Kuala Lumpur, semalam.

lah tindakan politik dan konspirasi untuk menjatuhkan Anwar seperti yang sering disebut oleh Anwar sendiri," katanya pada sidang media selepas merasmikan Seminar Koperasi Pekebun Kecil dan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Pekebun Kecil Getah Nasional Bhd (NARSCO) Ke-33 di sini, semalam.

Yang turut hadir Pengerusi Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil dan Perusahaan Getah (RISDA), Datuk Zahidi Zainul Abidin serta

Pengerusi NARSCO, Datuk Zamri Yaakob.

Beliau mengulas kenyataan Dr Mahathir yang menyesal menyokong pelantikan Datuk Seri Najib Razak sebagai Perdana Menteri.

Kecewa pilih Dr M

Mengulas lanjut, Ismail yang juga Ahli Majlis Tertinggi UMNO berkata, mungkin ramai ahli UMNO berasa kecewa memilih Dr Mahathir sebagai presiden parti dan

Perdana Menteri jika mengetahui sikapnya hari ini.

"Sebenarnya, pemilihan Najib adalah berdasarkan kriteria yang sudah memenuhi keperluan untuk menjadi Perdana Menteri dan disokong oleh orang UMNO sendiri," katanya.

Pada majlis itu, Ismail Sabri turut mengumumkan pembayaran dividen lima peratus berjumlah RM80,160 kepada 64 koperasi yang bernaung di bawah NARSCO membabitkan 146,955 ahli.